

Akuakultur Perlu Amal Teknologi Hijau

Oleh Mohd. Affzanizam Mohd. Amin



Teknologi hijau kini dilihat sebagai faktor penting ke arah kemapanan sektor perikanan dan akuakultur berikutan meningkatnya permintaan bagi makanan laut walaupun bekalan agak berkurangan.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata, akuakultur perlu melalui perubahan dengan mengamalkan teknologi hijau. "Alam sekitar sudah berada pada tahap genting, jadi kita haruslah memikirkan teknologi hijau untuk menghasilkan ikan melalui akuakultur."

"Memandangkan kita tidak boleh mengkebelakangkan perubahan iklim, maka kita haruslah mengubah teknologi dan ini adalah sesuatu yang boleh dilakukan. Dengan itu adalah menjadi cabaran terbesar bagi komuniti penyelidik untuk memperkenalkan kaedah seumpamanya yang bukan sahaja mesra alam sekitar tetapi lebih cekap dalam pengeluaran," katanya.

Ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Bobbey Suan semasa merasmikan Seminar Tahunan Mengenai Sains Marin dan Akuakultur di Dewan Bankuasi, Universiti Malaysia Sabah pada 10 Mac yang lalu. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UMS, Brig. Jen.

Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pengarah IPMB, Prof. Dr Saleem Mustafa dan ketua rombongan dari Jepun, Prof. Dr. Mitsuru Eguchi. Seminar tiga hari anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) itu diadakan untuk membincangkan keselamatan makanan laut dan petunjuk bagi kemapanan dalam perikanan dan akuakultur.

Yahya berkata, adalah juga menjadi cabaran kepada komuniti saintifik untuk cukup kreatif mencipta teknologi inovasi yang boleh mengurangkan pengeluaran karbon dan memberi daya tahan kepada habitat marin. "Kerajaan kita telah memberi banyak penekanan terhadap teknologi hijau. Sebagai contoh, langkah permulaan telah dibuat untuk menguji sistem perladangan bersepadu. Pendekatan seperti ini boleh memapankan bukan sahaja alam sekitar tetapi juga sistem akuakultur."

"Bagaimanapun, contoh hubung kait teknologi hijau dengan kemapanan akuakultur seperti itu perlu dikaji lebih lanjut dan diperluaskan untuk meliputi sistem perladangan lain yang mengeluarkan jejak karbon," kata Yahya.



"Memapankan bekalan makanan laut, yang sedang menghadapi masalah pemanasan global menjadi kebimbangan semua orang. Dengan itu, penyaluran luas maklumat berasaskan keperluan dan latihan dalam kaedah baharu akuakultur dan perikanan boleh membantu pelaksanaannya.

Sementara itu, Dr. Kamaruzaman berkata, pengurusan dan pemuliharaan sumber asli marin dalam tempoh perubahan iklim ini memerlukan strategi yang betul, pendekatan saintifik dan aturan pengurusan yang berkesan.

Mungkin, katanya, kaedah tradisional perlu diorientasikan semula memandangkan Sabah tidak mempunyai pengalaman perubahan iklim serta melihat kepada besarnya cabaran terhadap pembangunan mapan. Katanya, pembangunan mapan memerlukan pemuliharaan air, tanaman makanan dan semua sumber biologi serta semua proses untuk mencapainya haruslah sesuatu yang tidak menjejaskan alam sekitar, sesuai daripada segi teknologinya, ekonomi dan boleh diterima masyarakat.